

Batu Pahat

Kementerian Pendidikan menyambut baik usaha mewujudkan suntikan vaksin kepada murid sekolah rendah dan mencadangkan ia dilakukan terhadap 7,000 sekolah rendah (SR) di seluruh negara bermula bulan depan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, Kementerian menyokong sepenuhnya keputusan Kementerian Kesihatan untuk memulakan saringan imunisasi bagi mengenal pasti murid yang tercicir dari menerima vaksin berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya menyiapkan pangkalan data berdasarkan maklumat diperolehi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan program

SUNTIK MURID TERCICIR VAKSIN

■ **Kementerian Pendidikan siapkan pangkalan data maklumat**

FOTO: SYARAFIQ ABD, SAMAD

FAKTA

Cadang program suntikan di 7,000 sekolah rendah seluruh negara



MAHDZIR berbual dengan guru pada program *Bicara Aidilfitri Warga Pendidik Bersama Wanita Umno Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.*

suntikan itu menumpukan murid tahun empat dan lima.

"Bagi memudahkan ibu

bapa, kami cadang program suntikan ini di 7,000 sekolah rendah seluruh negara.

"Kaedah ini sekali gus

memudahkan mereka membuat pendaftaran secara terus di sekolah, malah ia memudahkan ibu bapa me-

ngawal dan menguruskan proses suntikan terbabit," katanya ketika menghadiri *Bicara Aidilfitri Warga Pendidik Bersama Wanita Umno Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.*

Menurutnya, diharapkan usaha ini mendapat sokongan ibu bapa dalam memastikan anak mereka mendapat perlindungan imunisasi terbaik daripada wabak penyakit.

Sementara itu, Mahdzir menyambut baik cadangan *Bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh* yang mahukan kefahaman tuntutan berjihad dan ketaatan kepada pemerintah diperkasakan di peringkat sekolah.